

MATAPELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN

SET 1 – MODUL CEMERLANG

TINGKATAN 4

MODUL 2 KLASIFIKASI AKAUN DAN PERSAMAAN PERAKAUNAN

TINGKATAN 5

**MODUL 10 ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK
MEMBUAT KEPUTUSAN**

SOALAN MODUL 2

1 Padankan situasi yang berikut dengan pernyataan yang diberikan.

a.	Belian barang niaga	Pulangan masuk
b.	Catatan kontra bagi modal	Belanja bukan operasi
c.	Keuntungan pelupusan aset	Hasil bukan operasi
d.	Catatan kontra bagi Akaun Jualan	Aset Bukan Semasa
e.	Kerugian pelupusan aset	Liabiliti semasa
f.	Kenderaan	Ambilan
g.	Komisen diterima	Belanja operasi
h.	Catatan kontra bagi Akaun Belian	Persamaan Perakaunan
i.	Akaun Belum Terima	Hasil operasi
j.	Overdraf bank	Pulangan keluar
k.	Rugi bersih	Ekuiti Pemilik
l.	Aset = Liabiliti + Ekuiti Pemilik	Aset Semasa

2 Nyatakan kesan terhadap urusniaga yang berikut :

Bil	Urusniaga	Akaun	Kesan
	<i>Contoh :</i>		
	<i>Memulakan perniagaan dengan tunai di bank</i>	<i>Bank</i>	<i>Bertambah</i>
		<i>Modal</i>	<i>Bertambah</i>
i)	Belian barang niaga secara kredit.		
ii)	Belian perabot dengan cek.		
iii)	Jualan barang niaga secara kredit.		
iv)	Mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan pejabat.		
v)	Membawa masuk kenderaan peribadi untuk kegunaan perniagaan.		
vi)	Sebuah komputer dibeli dengan harga RM8 500, 10% daripadanya telah dibayar dengan cek dan bakinya akan dijelaskan pada bilan yang berikutnya.		
vii)	Seorang pelanggan telah menjelaskan hutang dengan cek dan diberi diskaun.		
viii)	Sekeping cek telah dikeluarkan untuk membayar hutang dan diskaun telah diterima.		
ix)	Membayar kadar bayaran dengan tunai		
x)	Membayar gaji pekerja dengan cek.		

- 3 Anda dikehendaki untuk melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan yang diberikan dan menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan urusanniaga yang telah diambil daripada perniagaan Rania Beauty Centre di sepanjang bulan Januari 2018.

Urusniaga

2018

- Jan. 1 Cik Rania memulakan perniagaan Rania Beauty Centre di Gunung Rapat dengan memasukkan RM80 000 dalam Akaun Bank dan lengkapan bernilai RM5 000 sebagai modal permulaan.
- 4 Rania Beauty Centre membeli lengkapan kedai bernilai RM20 000. Deposit berjumlah RM8 000 telah dibayar dengan cek. Bakinya akan dijelaskan dengan bayaran ansuran selama 2 tahun melalui pinjaman bank dari ANNUR Bank Bhd.
- 10 Barang niaga telah dibeli dengan nilai RM15 000 daripada Pembekal Syarq.
- 15 Syarikat telah menerima pinjaman bank yang berjumlah RM8 000 daripada Bank Bintang Berhad.
- 18 1/5 dari inventori telah dijual secara tunai dengan nilai RM3 500 dan cek telah diterima.
- 22 Pembayaran sebanyak 20% telah dijelaskan kepada Pembekal Syarq dengan tunai dan bakinya dengan cek.
- 28 20% daripada jumlah pinjaman bank telah dibayar menggunakan cek.
- 30 Pemilik telah mengambil cek bernilai RM2 100 untuk kegunaan peribadi.

Tarikh	Aset			Ekuiti Pemilik	Liabiliti	
	Bank / Tunai	Lengkapan	Inventori	Modal	Pinjaman	Akaun Belum Bayar
2018						
Jan 1						
4						
10						
15						
18						
22						
28						
30						
Baki pada Jan.31						

4 Berikut ialah baki aset dan liabiliti Keertana Enterprise pada 1 Julai 2017.

	RM
Lengkapan	21 780
Inventori	15 200
Akaun Belum Terima	19 300
Bank	17 760
Akaun Belum Bayar	8 640
Modal	??
Untung Bersih	25 400

Urus niaga yang berikut berlaku sehingga 31 Julai 2017.

- i) Jualan 1/4 daripada inventori kepada Farhan dengan mendapat keuntungan sebanyak 15%.
- ii) Menerima sekeping cek RM2 100 daripada seorang pelanggan.
- iii) Lengkapan lama dengan nilai buku RM2 580 telah dijual dengan harga RM1 800. Hasil jualan dibankkan.
- iv) Farhan memulangkan barang niaga bernilai RM350 kerana rosak.
- v) Membayar pembekal dengan cek RM5 480 dan menerima diskaun RM548.
- vi) Pemilik membeli perabot baru bernilai RM1 685 dengan cek.
- vi) Bayar insurans kedai RM800 dengan cek.
- vii) Menerima pinjaman sebanyak RM50 000. 6% daripada pinjaman tersebut digunakan untuk membayar gaji pekerja. 1/8 daripada baki digunakan untuk membeli sebuahengkapan dan yang selebihnya dibankkan.
- viii) Pihak bank telah memaklumkan terdapat cek tak laku bernilai RM2 100.
- ix) Ambilan cek RM5 820 untuk kegunaan peribadi.

Anda dikehendaki untuk :


- a) Melengkapkan Jadual Persamaan Perakaunan di mukasurat 5.
- bl Menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2017 (Bentuk T).

Urusniaga	Aset					Liabiliti		Ekuiti Pemilik	
	Lengkapan	Inventori	Perabot	Akaun Belum Terima	Bank	Akaun Belum Bayar	Pinjaman	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM		
Baki									
i)									
ii)									
iii)									
iv)									
v)									
vi)									
vii)									
viii)									
ix)									
JUMLAH									

SOALAN MODUL 2 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 2

1



2

Bil	Urusniaga	Nama Akaun	Kesan
i)	Belian barang niaga secara kredit .	Inventori	Bertambah
		Akaun Belum Bayar	Bertambah
ii)	Belian perabot dengan cek bernilai .	Perabot	Bertambah
		Bank	Berkurang
iii)	Jualan barang niaga secara kredit.	Jualan	Bertambah
		Akaun Belum Terima	Bertambah
iv)	Mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan pejabat.	Tunai	Bertambah
		Bank	Berkurang
v)	Membawa masuk kenderaan peribadi untuk kegunaan perniagaan.	Kenderaan	Bertambah
		Modal	Bertambah
vi)	Sebuah komputer dibeli dengan harga RM 8 500, 10% daripadanya telah dibayar dengan cek dan bakinya akan dijelaskan pada bulan yang berikutnya.	Alatan pejabat	Bertambah
		Bank	Berkurang
		Akaun Belum Bayar	Bertambah
vii)	Seorang pelanggan telah menjelaskan hutang dengan cek dan diberi diskaun.	Diskaun diberi	Bertambah
		Bank	Berkurang
		Akaun Belum Terima	Berkurang
viii)	Sekeping cek telah dikeluarkan untuk membayar hutang dan diskaun telah diterima.	Diskaun diterima	Bertambah
		Bank	Berkurang
		Akaun Belum Bayar	Berkurang
ix)	Membayar kadar bayaran dengan tunai	Kadar bayaran	Bertambah
		Tunai	Berkurang
x)	Membayar gaji pekerja dengan cek.	Gaji	Bertambah
		Bank	Berkurang

3

Tarikh	Aset			Ekuiti Pemilik	Liabiliti	
	Bank/Tunai	Lengkapan	Inventori	Modal	Pinjaman	Akaun Belum Bayar
Jan. 1	80 000	5 000		85 000		
4	(8 000)	20 000			12 000	
10			15 000			15 000
15	8 000				8 000	
18	3 500		(3 000)	500		
22	(3 000) (12 000)					(15 000)
28	(4 000)				(4 000)	
30	(2 100)			(2 100)		
Baki pada Jan.31	62 400	25 000	12 000	83 400	16 000	0

Rania Beauty Centre
Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Januari 2018

	RM	RM		RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik	
Lengkapan		25 000	Modal	83 400
Aset Semasa			Liabiliti Bukan Semasa	
Inventori akhir	12 000		Pinjaman bank	16 000
Bank dan Tunai	62 400	74 400		
		99 400		99 400

4 (a)

Urusniaga	Aset					Liabiliti		Ekuiti Pemilik	
	Lengkapan	Inventori	Perabot	Akaun Belum Terima	Bank	Akaun Belum Bayar	Pinjaman	Modal	Untung bersih
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
i	21 780	15 200	-	19 300	17 760	8 640	-	40 000 (1)	25 400
i		(3 800)		4 370					570
ii				(2 100)	2 100				
iii	(2 580)				1 800				(780)
iv		350		(350)					
v					(5 480)	(6 028)			548
vi			1 685		(1 685)				
vi					(800)				(800)
vii	5 875				41 125		50 000		(3 000)
viii				2 100	(2 100)				
ix					(5 820)			(5 820)	
JUMLAH	25 075	11 750	1 685	23 320	46 900	2 612	50 000	34 180	21 938
	108 730					108 730			

4 (b)

Keertena Enterprise
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2017

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik		
Lengkapan	25 075		Modal awal	40 000	
Perabot	1 685	26 760	(+) Untung bersih	21 938	
				61 938	
Aset Semasa			(-) Ambilan	5 820	
Inventori akhir	11 750		Modal akhir		56 118
Akaun Belum Terima	23 320				
Bank	46 900	81 970	Liabiliti Bukan Semasa		
			Pinjaman bank		50 000
			Liabiliti Semasa		
			Akaun Belum Bayar		2 612
		108 730			108 730

SKEMA JAWAPAN MODUL 2 TAMAT

SOALAN MODUL 10

- 1 Maklumat Perniagaan Mawar Berduri bagi tahun berakhir 31 Mac 2018 adalah seperti berikut:

	RM		RM
Jualan	100 000	Inventori awal	12 000
Pulangan jualan	1 500	Inventori akhir	17 500
Belian	55 000	Sewa diterima	2 000
Pulangan belian	300	Gaji	5 500
Akaun Belum Terima	23 000	Bank (kredit)	6 300

Hitungkan :

- (a) Kos jualan
- (b) Untung kasar
- (c) Untung bersih
- (d) Tokokan
- (e) Margin untung kasar
- (f) Margin untung bersih
- (g) Nisbah semasa
- (h) Kadar pusing ganti inventori
- (i) Tafsirkan (d), (g) dan (h)

- 2 Berikut adalah maklumat yang diperolehi daripada buku perniagaan dua perniagaan pada 31 Disember 2017.

	Kedai Shawl Leiya	Kedai Hijab Dhihah
Tokokan	40.38%	50.88%
Margin untung kasar	23.50%	28.95%
Margin untung bersih	25.03%	36.69%
Pulangan atas modal	19.19%	48.70%
Nisbah semasa	1.85 : 1	2.59 : 1
Nisbah ujian asid	0.65 : 1	1.24 : 1
Kadar pusing ganti inventori	2.86 kali	4.70 kali
Tempoh kutipan hutang	20.11 hari	11.04 hari
Tempoh pembayaran hutang	84.61 hari	44.72 hari

- (a) Anda dikehendaki membuat rumusan dapatan analisis berdasarkan perbandingan prestasi kewangan kedua-dua perniagaan di atas.

Rumusan dibuat mengikut:

- (i) Nisbah keberuntungan
 - (ii) Nisbah kecairan
 - (iii) Nisbah kecekapan
- (b) Berdasarkan (a) syarikat manakah yang menunjukkan prestasi yang baik. Berikan alasan anda.
- 3 Jailia Berhad dan Marsya Berhad menjalankan perniagaan menjual pakaian di Batu Gajah, Perak. Penyata Kewangan bagi kedua-dua perniagaan adalah seperti berikut :

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2018

	Jailia Berhad		Marsya Berhad	
Jualan		170 000		200 000
Tolak : Kos Jualan				
Inventori awal	21 000		18 000	
Tambah : Belian	60 800		90 300	
	81 800		108 300	
Tolak : Inventori Akhir	19 000		24 000	
		62 800		84 300
Untung kasar		107 200		115 700
Tolak :				
Pelbagai belanja		60 000		61 000
Untung bersih		47 200		54 700

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2018

	Jailia Berhad			Marsya Berhad		
Aset Bukan Semasa						
Kenderaan		200 000			250 000	
Perabot		12 000	212 000		17 000	267 000
Aset Semasa						
Inventori	19 100			24 000		
Akaun Belum Terima	18 000			6 600		
Bank	11 000	48 100		4000	34 600	
Tolak : Liabiliti Semasa						
Akaun Belum Bayar	16 000			23 000		
Belanja belum bayar	2 980	18 980		-	23 000	
Modal kerja			29 120			11 600
			241 120			278 600
Ekuiti Pemilik						
Modal			193 920			223 900
Tambah: Untung bersih			47 200			54 700
			241 120			278 600

- (a) Bagi kedua-dua perniagaan tersebut, anda dikehendaki menghitung:
- Margin untung bersih
 - Pulangan atas modal
 - Nisbah semasa
 - Kadar pusing ganti inventori
- (b) Nyatakan perniagaan yang menguruskan inventori dengan lebih baik. Beri satu alasan.
- (c) Berdasarkan jawapan anda di (a), nyatakan perniagaan manakah yang akan dipilih untuk pelaburan masa hadapan? Berikan dua alasan bagi menyokong jawapan anda.

- 4 Almas Zahra menjalankan perniagaan di Bandar Lahat Baru, Perak. Imbangan Duga berikut diambil daripada perniagaan pada 28 Februari 2018.

Perniagaan Almas Zahra
Imbangan Duga pada 28 Februari 2018

	Debit	Kredit
	RM	RM
Modal pada 1 Mac 2017		145 580
Inventori pada 1 Mac 2017	34 500	
Belian dan Jualan	136 000	
Kenderaan	89 000	
Alatan Kedai	28 000	
Premis	90 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		35 600
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		5 320
Sewa	16 800	
Akaun Belum Terima	16 000	
Akaun Belum Bayar		15 700
Angkutan masuk	3 600	
Insurans	1 440	
Pulangan	1 250	
Peruntukan hutang ragu		400
Hutang lapuk	270	
Bank	6400	
Tunai	970	
Komisen		2 700
Kadar bayaran	2470	
Gaji pekerja	15 600	
	442 300	442 300

Maklumat tambahan :

- (i) Inventori pada 28 Februari 2018 berjumlah RM22 450 pada harga kos dan RM20 960 pada harga pasaran
- (ii) Komisen belum diterima daripada pembekal adalah sebanyak RM400.
- (iii) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 2% atas penghutang bersih.
- (iv) Kadar susut nilai bagi aset bukan semasa adalah seperti berikut :
 - Kenderaan 20% setahun atas kos
 - Alatan kedai 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
- (v) Ambilan barang niaga RM1 500 oleh pemilik belum direkodkan dalam mana-mana buku perakaunan

Anda dikehendaki menyediakan

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 28 Februari 2018
- (b) Hitungkan:
 - (i) Tokokan
 - (ii) Peratus untung kasar atas jualan
 - (iii) Peratus untung bersih atas jualan
 - (iv) Pulangan atas modal
 - (v) Kadar Pusing Ganti Inventori

SOALAN MODUL 10 TAMAT

SKEMA JAWAPAN MODUL 10

1	a) Kos Jualan	= [Inventori awal + (belian – Pulangan belian)] - Inventori akhir = RM49 200
	b) Untung Kasar	= (Jualan – Pulangan belian) – Kos Jualan = RM49 300
	c) Untung Bersih	= Untung kasar + Sewa diterima – Gaji = RM45 800
	d) Tokokan	= $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$ = 100.20%
	e) Margin Untung Kasar	= $\frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$ = 50.05%
	f) Margin Untung Bersih	= $\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$ = 46.50%
	g) Nisbah Semasa	= $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$ = $\frac{\text{ABT} + \text{Inventori akhir}}{\text{Overdraf bank}}$ = RM 6.43 : 1
	h) Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali) ATAU Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan hari)	= $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$ = 3.34 kali ATAU = $\frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365 \text{ hari}$ = 109.43 hari

(i) Tafsirkan bagi

(d) Tokokan

Bagi setiap RM1 Kos jualan, Untung kasar yang diperolehi ialah RM1.

(g) Nisbah Semasa

Bagi setiap RM1 liabiliti semasa, perniagaan mempunyai aset semasa RM 5.36 untuk menjelaskannya.

(h) Kadar Pusing Ganti Inventori

Dalam satu tempoh perakaunan, perniagaan telah menggantikan inventori baru sebanyak 3.34 kali atau setiap 109.43 hari.

2 (a)(i) Nisbah keberuntungan

Keuntungan perniagaan menunjukkan untung Kedai Hijab Dhihah lebih baik berbanding Kedai Shawl Leiya. Hal ini kerana :

Peratus tokokan Kedai Hijab Dhihah (50.88%) lebih tinggi berbanding Kedai Shawl Leiya (40.38%)

Peratus margin untung kasar Kedai Hijab Dhihah (28.95%) lebih tinggi berbanding Kedai Shawl Leiya (23.50%)

Peratus margin untung bersih Kedai Hijab Dhihah (36.69%) lebih tinggi berbanding Kedai Shawl Leiya (25.03%)

Pulangan atas modal Kedai Hijab Dhihah (48.70%) lebih tinggi berbanding Kedai Shawl Leiya (19.19%)

(ii) Nisbah kecairan

Kemampuan Aset Semasa Kedai Hijab Dhihah membayar Liabiliti Semasa adalah lebih baik berbanding Kedai Shawl Leiya. Hal ini kerana :

Nisbah Semasa Kedai Hijab Dhihah (2.59 : 1) lebih tinggi berbanding Kedai Shawl Leiya (1.85 : 1)

Nisbah Ujian Asid Kedai Hijab Dhihah (1.24 : 1) lebih tinggi berbanding Kedai Shawl Leiya (0.65 : 1)

(iii) Nisbah Kecekapan

Kecekapan mengurus inventori perniagaan Kedai Hijab Dhihah lebih baik berbanding Kedai Shawl Leiya. Hal ini kerana :

Kadar Pusing Ganti Inventori Kedai Hijab Dhihah menunjukkan perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori sebanyak 4.7 kali berbanding Kedai Shawl Leiya 2.88 kali

Masa yang diambil untuk mengutip hutang bagi Kedai Hijab Dhihah, iaitu 11.04 hari adalah lebih cepat berbanding Kedai Shawl Leiya, iaitu sebanyak 20.11 hari.

Masa yang diambil untuk membayar hutang bagi Kedai Hijab Dhihah, iaitu 44.72 hari adalah lebih cepat berbanding Kedai Shawl Leiya, iaitu sebanyak 84.61 hari.

(b) Berdasarkan (a) perniagaan manakah yang menunjukkan prestasi yang baik. Berikan alasan anda.

Kedai Hijab Dhihah menunjukkan prestasi yang baik. Ini dapat dilihat melalui nisbah keberuntungan, kecekapan dan kecairan.

3 (a) Bagi kedua-dua perniagaan tersebut, anda dikehendaki menghitung:

(i) Margin untung bersih

(ii) Pulangan atas modal

(iii) Nisbah semasa

(iv) Kadar pusing ganti inventori

		Jailia Berhad	Marsya Berhad
(i)	Margin Untung Bersih	= $\frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$	
		= $\frac{27\,200}{170\,000} \times 100$ = 16%	= $\frac{54\,700}{200\,000} \times 100$ =27.35
(ii)	Pulangan atas modal	= $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$	
		= $\frac{27\,200}{213\,820} \times 100$ = 12.72%	= $\frac{54\,700}{223\,900} \times 100$ =24.43%
(iii)	Nisbah semasa	= $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	
		= $\frac{48\,000}{18\,980}$ = RM 2.53 : 1	= $\frac{34\,600}{23\,000}$ = RM 1.50 : 1
(iv)	Kadar pusing ganti inventori	= $\frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$	
		= $\frac{62\,800}{(21\,000 + 19\,000)/2}$ = 3.14 kali	= $\frac{84\,300}{(18\,000 + 24\,000)/2}$ = 4.01 kali
		ATAU = $\frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365 \text{ hari}$	
		= $\frac{20\,000}{62\,800} \times 365 \text{ hari}$ = 116.24 hari	= $\frac{21\,000}{84\,300} \times 365 \text{ hari}$ = 90.93 hari

- (b) Nyatakan perniagaan yang menguruskan inventori dengan lebih baik. Beri satu alasan.
Perniagaan Marsya Berhad lebih baik.
Marsya Berhad membuat pusing ganti inventori sebanyak 4.01 kali berbanding Jailia Berhad 3.14 kali.
- (c) Berdasarkan jawapan anda di (a), nyatakan perniagaan manakah yang akan dipilih untuk pelaburan masa hadapan? Berikan dua alasan bagi menyokong jawapan anda.
Saya akan memilih untuk melabur di Marsya Berhad.
Pulangan atas modal Marsya Berhad 24.43% lebih tinggi berbanding Jailia Berhad 12.72%.
Margin untung bersih Marsya Berhad 27.35% lebih tinggi berbanding Jailia Berhad 16%.

4 a)

Perniagaan Almas Zahra
Imbangan Duga pada bagi tahun berakhir 28 Februari 2018

	RM	RM	RM
Jualan			237 000
(-) Pulangan jualan			<u>1 250</u>
Tolak : <u>Kos Jualan</u>			
Inventori awal		34 500	
Belian	134 500		
Angkutan masuk	<u>3 600</u>	<u>138 100</u>	
		172 600	
- Inventori akhir		<u>20 960</u>	
Kos Jualan			<u>151640</u>
Untung Kasar			84 110
+ <u>Hasil</u>			
Komisen		3 100	
Peruntukan Hutang Ragu		<u>120</u>	<u>3 220</u>
			87 330
- <u>Belanja</u>			
Sewa		16 800	
Insurans		1 440	
Hutang lapuk		270	
Kadar bayaran		2 470	
Gaji		15 600	
Susut nilai kenderaan		17 800	
Susut nilai alatan pejabat		<u>2 268</u>	
			77 060
Untung bersih			<u>10 270</u>

b) Hitungkan:

- (i) Tokokan
- (ii) Peratus untung kasar atas jualan
- (iii) Peratus untung bersih atas jualan
- (iv) Pulangan atas modal
- (v) Kadar Pusing Ganti Inventori

(i) Tokokan	$= \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$ $= \frac{84110}{151\ 640} \times 100\%$ $= 55.47\%$
(ii) Margin Untung Kasar	$= \frac{\text{Untung kasar}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$ $= \frac{84110}{235\ 750} \times 100\%$ $= 35.68\%$
(iii) Margin Untung Bersih	$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Jualan bersih}} \times 100\%$ $= \frac{10270}{235\ 750} \times 100\%$ $= 4.36\%$
(iv) Pulangan atas modal	$= \frac{\text{Untung bersih}}{\text{Modal awal}} \times 100\%$ $= \frac{10270}{145\ 580} \times 100\%$ $= 7.05\%$
(v) Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$ $= \frac{151\ 640}{(34\ 500 + 20\ 960)/2}$

ATAU	= 5.46 kali
Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan hari)	ATAU
	= $\frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365 \text{ hari}$
	= $\frac{(34\,500 + 20\,960)/2}{151\,640} \times 365 \text{ hari}$
	= 66.75 hari

SKEMA JAWAPAN MODUL 10 TAMAT